

NO. SOALAN: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 9 JUN 2015

RUJUKAN : 7932

SOALAN:

Tuan Su KeongSiong [Ipoh Timor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siasatan dan tindakan yang diambil terhadap orang-orang yang membantah dan memaksa Gereja di Taman Medan untuk menurunkan Salib secara paksaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius tentang kejadian-kejadian jenayah yang berlaku, siasatan akan dijalankan tidak mengira sama ada ianya dilakukan oleh pihak individu berpengaruh atau sebaliknya. Berhubung dengan isu perhimpunan bagi membantah kewujudan gereja di kawasan Taman Medan di Metro Square Taman Medan, Petaling Jaya, pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Petaling Jaya Repot 5415/2015 di bawah Seksyen 448/511 Kanun Keseksaan kerana melakukan kesalahan cuba melakukan pencerobohan bangunan pada 20 April 2015. Dalam kejadian tersebut terdapat lebih kurang 40 orang telah hadir dan berkumpul di kawasan tersebut.

Pihak polis masih meneruskan siasatan untuk mengumpul segala keterangan-keterangan dan bukti-bukti sebelum Kertas Siasatan diedarkan kepada pihak Pejabat Peguam Negara untuk tindakan lanjut. Kementerian tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut mengenai perkara ini kerana dikhuatiri boleh menjelaskan proses siasatan yang sedang dijalankan.